

Pinjaman Terbaik Untuk Kakitangan Kerajaan

Salam semua...

So saya ada sediakan satu table khas untuk penjawat awam buat penilain. Mana satu bank atau institusi kewangan yang paling rendah interest ratenya untuk anda buat pinjaman. Table tersebut, saya ada kongsi di artikel [di sini](#).

Dalam artikel tu, saya ada kongsi lah fasal family saya yang dapat kerja kerajaan semua, fasal wife saya sendiri yang buat pinjaman dengan Agro Bank lagi dan akhirnya, saya tutup dengan table seperti di bawah..

Pinjaman Peribadi Untuk Penjawat Awam

Dan sekarang saya nak kongsi pula, korang dah tahu kan table di atas dah terang terang bagi tahu mana satu institusi kewangan yang perlu anda apply, tapi untuk buat keputusan mana satu yang terbaik ini lah yang saya cuba nak bantu, tak bantu mana pun, hanya sekadar berkongsi kan pendapat.

Saya pasti, semua mata pasti akan beralih ke Pinjaman MBSB. Dengan interest rate yang paling rendah, siapa lah tak nak cuba cuba kan. Tapi tak apa lah, saya ada beberapa point lagi yang anda boleh ambil selain daripada interest rate nya yang paling rendah.

So, point pertama ialah mulakan daripada interest rate yang rendah.

Point yang ke 2

Berapa ribu nak pinjam? Tak kan macam nak pinjam yang macam kami swasta ni kot. Kurang kurang mesti 100k kan. Kurang

kurang, mesti 150k kan. Saya pernah tengok ada orang tu, penolakan angkasanya sebanyak 5 ribu lebih. Total saya agak dalam 400k tau pinjaman. So jumlah total nak pinjam pun kena ambil kira, sebab tak semua institusi kewangan ni letak jumlah maximum yang sama.

Point ke 3

Kalau tak silap saya, wife ada cakap. Ada bank yang tetapkan berapa berapa lama untuk anda kerja baru boleh buat pinjaman. So mungkin ada yang selepas 3 bulan, atau 6 bulan. Atau pun mesti confirm dahulu ke. Semuanya bergantung kepada bank, jadi anda kena tanya bank sendiri sama ada layak atau tidak. Start dengan rate yang paling rendah ya..

Point ke 4

Jangan buat pinjaman lebih daripada apa yang anda mampu bayar. Bila hidup di Malaysia ni, bukannya nak bayar loan sahaja kan. Nak makan, minyak, rumah semua kena guna duit juga. so berpada padalah berapa pecahan dari gaji untuk anda khas kan untuk bayar loan.

Saya sendiri, tak reti nak bahagikan macam mana, kalau saya cakap pastikan 30% sahaja untuk anda bayar loan mungkin tak sesuai untuk setengah orang. So yang terbaik, mungkin boleh start jumlah yang anda perlu bayar selain daripada loan dahulu, seperti:

- Nak bagi mak atau family berapa
- Nak bayar kereta berapa
- Bagi isteri dan belanja anak berapa
- Boleh tak, dalam masa yang sama anda simpan sikit untuk belanja sekolah anak masuk U, untuk anda dan isteri sambut raya ke, tak kesah lah, janji mesti ada pecahan untuk menyimpan

Dan selebih nya, jumlah yang tinggal ini lah anda guna untuk

buat loan. Saya rasa lah, firasat awal ni. Mungkin anda perlu fikir dan senaraikan lagi.. Yang penting, jangan buat loan yang sia sia. Pastikan anda buat satu investment yang penialaian terpaksa yang terbaik.